

12 DEC 1996

Osu-Tanah (Bergambar)

OSU MINTA JABATAN KEMUKA LAPORAN PENGGUNAAN TANAH

KOTA KINABALU, 12 Dis (Bernama) -- Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah meminta jabatan dan agensi kerajaan di seluruh negara agar mengemukakan laporan berhubung tanah yang mereka miliki tetapi tidak digunakan.

Menterinya Datuk Osu Sukam hari ini berkata, maklumat sedemikian penting bagi membolehkan kerajaan merangka pelan pembangunan secara menyeluruh terhadap tanah berkenaan.

"Kita akan mula melaksanakan pelan pembangunan berkenaan sebaik sahaja semua jabatan dan agensi kerajaan mengemukakan maklumat mereka," katanya kepada pemberita di sini selepas merasmikan kedai elektrik dan perabot milik Kopeks, sebuah pergerakan koperasi yang terbesar di Sabah yang dianggotai kira-kira 30,000 kakitangan awam.

Osu berkata pembangunan tanah ini adalah sejajar dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan tanah-tanah terbiar dibangunkan pemiliknya, termasuk dengan cara mengadakan usahasama dengan agensi swasta.

Osu sebelum itu diminta mengulas sama ada kes tanah yang telah diberikan kepada jabatan dan agensi kerajaan tetapi terbiar begitu sahaja tanpa dibangunkan seperti yang banyak berlaku di Sabah, turut berlaku di negeri lain.

Menurut beliau, Kementerian itu mempunyai rekod mengenai tanah yang telah diberikan kepada jabatan dan agensi kerajaan di Semenanjung, manakala soal tanah di Sabah pula terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil balik tanah yang tidak dimajukan, Osu berkata, langkah itu telah dibekukan buat masa ini sehingga pindaan dibuat pada Akta Pengambilan Tanah yang dijangka dibentangkan di Parlimen, Mac depan.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee pada Ahad lepas telah mengarahkan kajian semula dibuat terhadap beratus-ratus hektar tanah milik jabatan dan agensi kerajaan negeri di Kudat di utara Sabah, yang tidak dibangunkan sejak lama dahulu.

Menurut Yong kajian itu penting bagi membolehkan tanah itu diagihkan semula bagi tujuan pembangunan. -- BERNAMA

JS PR